

18/05/2001

MIC syor lantik setiausaha akhbar PM dari kaum India

KUALA LUMPUR, Khamis - MIC berharap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melantik seorang setiausaha akhbar dari kaum India supaya mendapat lebih banyak maklumat mengenai keperluan kaum berkenaan.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata dengan mempunyai setiausaha akhbar dari kaum lain, isu mengenai kaum terbabit dapat disampaikan dengan lebih cepat kepada Perdana Menteri.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Kerja Raya menyifatkan langkah Perdana Menteri melantik setiausaha akhbar dari kaum Cina sebagai bijak.

"Baguslah, kini Dr Mahathir dapat mengetahui lebih banyak berita mengenai apa yang berlaku di kalangan masyarakat Cina tempatan," katanya, hari ini.

Semalam, beberapa akhbar tempatan melaporkan bahawa nama calon tertentu sudah mula diwar-warkan bagi jawatan setiausaha akhbar kepada Perdana Menteri. Antaranya, Timbalan Ketua Pengarang Nanyang Siang Pau, Cheng Kee Chien.

(END)